
 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 1 / 28

# PROSEDUR SOKONGAN PENYELENGGARAAN KOMPUTER

**PS – BPB - 06**

**ISO 9002**

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 2 / 28

### Rekod Pindaan

Pindaan	Tarikh	Huraian Pindaan
<b>PIN.01/2000</b>	<b>6/9/2000</b>	<b>Memasukkan tatacara penyelenggaraan katalaluan bagi sistem komputer JLSM – dalam Para 6.5 dan tambahan carta-alir serta lampiran (6 &amp; 7). Memandangkan susunan kebanyakan mukasurat telah berubah, keluaran 02 dibuat</b>



JLSM ISO 9002

**Jabatan Laut Semenanjung Malaysia**

No.Keluaran : 02

No. Pindaan : 00


**Prosedur Sokongan  
Penyelenggaraan Komputer**

Tarikh 6 / 9 / 2000

Mukasurat 3 / 28

### Carta Alir

#### PROSES MEMBAIKPULIH PERKAKASAN / PERISIAN





JLSM ISO 9002

**Jabatan Laut Semenanjung Malaysia**

No.Keluaran : 02

No. Pindaan : 00


**Prosedur Sokongan  
Penyelenggaraan Komputer**

Tarikh 6 / 9 / 2000

Mukasurat 4 / 28

## Carta Alir

### PROSES PENYELENGGARAAN SISTEM APLIKASI





JLSM ISO 9002

**Jabatan Laut Semenanjung Malaysia**

No.Keluaran : 02

No. Pindaan : 00


**Prosedur Sokongan  
Penyelenggaraan Komputer**

Tarikh 6 / 9 / 2000

Mukasurat 5 / 28

### Carta Alir

#### PROSES PENYALINAN (BACKUP) DATA / APLIKASI





JLSM ISO 9002

**Jabatan Laut Semenanjung Malaysia**

No.Keluaran : 02

No. Pindaan : 00


**Prosedur Sokongan  
Penyelenggaraan Komputer**


Tarikh 6 / 9 / 2000

Mukasurat 6 / 28

## Carta Alir

### PROSES PENYELENGGARAAN KATALALUAN PENGGUNA



 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 7 / 28

## Carta Alir

### 1. OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan memastikan semua urusan dan aplikasi yang berkaitan dengan penggunaan Teknologi Maklumat (*IT*) di Jabatan ini berjalan dengan lancar dan sempurna seterusnya meningkatkan tahap produktiviti dan kualiti perkhidmatan Jabatan.

### 2. SKOP

Prosedur ini digunakan dalam semua proses penyediaan salinan (*backup*), penyelenggaraan perisian, penyelenggaraan laman *web* , penyelenggaraan katalaluan (*password*) dan penyelenggaraan kerosakan perkakasan.

### 3. TANGGUNGJAWAB

Pegawai yang bertanggungjawab bagi penyelenggaraan komputer ialah KPP(USM). Tanggungjawab secara terperinci mengikut aktiviti tercatat dalam prosedur bagi proses penyelenggaraan komputer ini.


### 4. DEFINASI

#### 4.1. Aturcara Aplikasi

Bahasa arahan komputer yang ditulis dan dikodkan untuk melaksanakan sesuatu fungsi komputer.

#### 4.2. Daftar *Backup*

Buku daftar yang merekodkan maklumat *backup* (penyalinan) data dan aplikasi. Maklumat asas yang terkandung dalam daftar ini ialah jenis, kekerapan, generasi, tarikh dan masa salinan.

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 8 / 28

**4.3. FRD (*Functional Requirement Definition*)**

Laporan kajian keperluan fungsi yang bertujuan mengkaji kesesuaian, saiz dan kerumitan sesuatu aplikasi komputer sebelum dibangunkan.

**4.4. Generasi Salinan**

Bilangan salinan terdahulu yang disimpan untuk tujuan pembaikpulih(*recovery*). Sebagai contoh 3 generasi bermakna salinan dari 3 proses salinan terdahulu disimpan.

**4.5. Homepage**

Laman *Web*

**4.6. Internet**

Adalah kemudahan komunikasi data, imej dan suara dari komputer-komputer dari seluruh dunia yang dirangkaikan dalam satu jaringan yang di panggil *web*.

**4.7. IT**

*Information Technology* (Teknologi Maklumat) iaitu hal-hal yang berkaitan dengan teknologi maklumat.

**4.8. JLSM**


Jabatan Laut Semenanjung Malaysia

**4.9. JITH**

Jawatankuasa *IT* dan *Homepage* Jabatan Laut yang bertanggungjawab ke atas pemantauan pelaksanaan *IT* di Jabatan ini. Jawatankuasa ini juga akan menetapkan perkara-perkara dasar berkaitan dengan pelaksanaan tersebut. Keahlian Jawatankuasa ialah;

Pengerusi : Ketua Pengarah Laut  
 Ahli-ahli : Wakil-wakil Bahagian  
 Wakil-Wakil JL Sabah dan Sarawak  
 Pengarah Bahagian Khidmat Bantuan  
 Kakitangan USM  
 Setiausaha : KPP(USM)

**4.10. Katalaluan (*Password*)**

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 9 / 28

Perkataan yang digunakan oleh pengguna aplikasi sebagai kunci memulakan sesuatu aplikasi yang di kawal penggunaannya. Perkataan tersebut dikeluarkan secara berindividu dan hendaklah dirahsiakan sepanjang masa hanya untuk kegunaannya sahaja.

**4.11. Kerosakan Besar**

Kerosakan yang memerlukan kepakaran dan peralatan khusus untuk membaikinya

**4.12. Kerosakan Kecil**

Kerosakan yang boleh dibaiki oleh USM

**4.13. KPP(USM)**

Ketua Penolong Pengarah (Unit Sistem Maklumat)

**4.14. Laman Web Jabatan**

Laman capaian maklumat Jabatan Laut yang diperolehi melalui *internet*

**4.15. MAPASS**

Sistem statistik perkapalan dan pelabuhan yang merekodkan maklumat ketibaan dan perlepasan kapal-kapal di setiap pelabuhan di Negara ini

**4.16. Pangkalan Data**


Data-data operasi utama yang disimpan dalam komputer. Tiga pangkalan data yang terdapat pada masa kini iaitu pangkalan data kapal, pelaut dan MAPASS.

**4.17. Pengguna**


Pegawai dari bahagian-bahagian di JLSM yang berurusan dengan USM

**4.18. Pentadbir Sistem Aplikasi**

Pegawai yang bertanggungjawab ke atas setiap aplikasi dan data aplikasi iaitu dalam segi pembangunan, penyelenggaraan, pengubahsuaian, perlaksanaan dan kawalan capaian.

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 10 / 28

- 4.19. PPSM(Aplikasi)**  
Penolong Pegawai Sistem Maklumat yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dan penyelenggaraan aplikasi
- 4.20. PPSM(Operasi)**  
Penolong Pegawai Sistem Maklumat yang bertanggungjawab terhadap pengoperasian dan rangkaian
- 4.21. PPSM(Web)**  
Penolong Pegawai Sistem Maklumat yang bertanggungjawab terhadap Laman *Web* Jabatan
- 4.22. PSM(Aplikasi)**  
Pegawai Sistem Maklumat yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dan penyelenggaraan aplikasi
- 4.23. PSM(Operasi)**  
Pegawai Sistem Maklumat yang bertanggungjawab terhadap pengoperasian dan rangkaian
- 4.24. Ralat (*Error*)**  
Gangguan pada aplikasi yang berpunca daripada kesilapan koding pada aturcara aplikasi.
- 4.25. Salinan (*Backup*)**  
Adalah kaedah membuat salinan atau pendua kepada data-data dan juga aturcara-aturcara komputer ke dalam media-media elektronik seperti pita-magnetik, CD, disket dan sebagainya.
- 4.26. Ujian Pengguna**  
Ujian ke atas sistem aplikasi yang dilakukan oleh pengguna
- 4.27. Ujian Percubaan (*Pilot Project*)**  
Ujian ke atas sistem aplikasi yang dilakukan oleh pengguna menggunakan data sebenar pada sesuatu pejabat/lokasi yang dikenalpasti.
- 4.28. USM**

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 11 / 28


Unit Sistem Maklumat.

## 5. RUJUKAN


- 5.1. Manual Pengguna Aplikasi,
- 5.2. Manual Pengguna yang di dikeluarkan oleh pengeluar,
- 5.3. Arahan Perbendaharaan
- 5.4. Fail Daftar Projek
- 5.5. Fail Daftar *Backup*
- 5.6. Fail Daftar Penyelenggaraan
- 5.7. Fail Penyelenggaraan ID Pengguna

## 6. PROSEDUR


Tanggungjawab	Tindakan
PSM(Aplikasi) PSM(Operasi)	<b>6.1. PENYELENGGARAAN SALINAN(BACKUP) DATA DAN APLIKASI</b>  6.1.1. PSM(Aplikasi) akan memaklumkan kepada PSM(Operasi) apabila terdapat fail-fail data dan aplikasi-aplikasi yang baru dilaksanakan untuk direkodkan dalam <b>Daftar Backup</b> .
PPSM(Operasi)	6.1.2. Proses penyalinan dilakukan secara berkala iaitu setiap minggu untuk aplikasi dan setiap hari untuk pangkalan data

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 12 / 28


Tanggungjawab	Tindakan
PPSM(Operasi)	6.1.3. Daftar <i>Backup</i> direkodkan setiap kali proses penyalinan dilakukan. Maklumat-maklumat asas yang terkandung dalam daftar tersebut ialah Jenis, Kekerapan, Generasi, Tarikh dan Media.
PPSM(Operasi)	6.1.4. Bilangan generasi salinan data ialah 7(tujuh) dan bilangan generasi aplikasi ialah 4 (empat).
	<p><b>6.2. PENYELENGGARAAN APLIKASI KOMPUTER</b></p> <p>6.2.1. Penyelenggaraan Aplikasi Komputer terbahagi kepada 4 jenis iaitu;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pembangunan aplikasi baru</li> <li>ii. Pengubahsuaian aplikasi sedia ada</li> <li>iii. Pembasmian ralat dalam aturcara</li> <li>iv. Penyelenggaraan data yang berpunca daripada kesilapan aturcara aplikasi</li> </ul> <p><b>6.2.2. Pembangunan aplikasi baru</b></p> <p>6.2.2.1. Setiap keperluan aplikasi baru dari pengguna hendaklah dibuat melalui <b>JITH</b>.</p> <p>6.2.2.2. <b>FRD</b> di sediakan untuk mengenalpasti saiz dan kerumitan aplikasi tersebut. Kandungan laporan tersebut ialah;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kebaikan yang diperolehi dari aplikasi,</li> <li>ii. Skop aplikasi,</li> </ul>
Pengguna, JITH	
PSM(Aplikasi),	

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 13 / 28


Tanggungjawab	Tindakan
PSM(Aplikasi)	<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Jangkaan bilangan modul dan aturcara yang terlibat,</li> <li>iv. Jangkaan bilangan skrin yang terlibat,</li> <li>v. Jangkaan bilangan jadual yang terlibat dan senarai kod-kod yang diperlukan,</li> <li>vi. Jangkaan bilangan laporan yang terlibat,</li> <li>vii. Sumber-sumber yang diperlukan,</li> <li>viii. Jangkaan bilangan pegawai yang diperlukan,</li> <li>ix. Jangkaan tempoh siap</li> </ul> <p>6.2.2.3. Setiap aplikasi yang dibangunkan mempunyai satu fail yang akan menyimpan semua maklumat berkaitan dengan aplikasi tersebut seperti catatan perbincangan, laporan-laporan, borang-borang dan sebagainya.</p>
PSM(Aplikasi), Pengguna	<p>6.2.2.4. Aplikasi yang telah selesai dibangunkan akan dirujuk kepada pengguna untuk <b>ujian Pengguna</b>. Setelah ujian didapati memuaskan, Pengguna akan mengeluarkan <b>Surat Persetujuan Pengguna</b> untuk dilaksanakan. Sebaliknya aplikasi akan dibuat pengubahsuaian.</p>
PSM(Aplikasi), Pengguna	<p>6.2.2.5. Aplikasi baru akan dimulakan secara <b>ujian percubaan (pilot project)</b> dengan memilih satu atau beberapa pejabat untuk</p>

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 14 / 28


Tanggungjawab	Tindakan
Pengguna, JITH, PSM(Aplikasi), KPP(USM)	<p>perlaksanaan. Sekiranya perjalanan aplikasi memuaskan dalam satu tempoh yang berpatutan, sistem akan dikembangkan untuk pelaksanaan di seluruh Negara.</p> <p><b>6.2.3. Pengubahsuaian Aplikasi Sediaada</b></p> <p>6.2.3.1. Sekiranya pengubahsuaian melibatkan penambahan skop sistem, kelulusan hendaklah diperolehi melalui JITH. Sebaliknya pengubahsuaian yang tidak melibatkan skop sistem seperti perubahan rubabentuk skrin, teknik penggunaan aplikasi, penambahan statistik, dan sebagainya, pengguna perlu mengisi <b>Borang Penyelenggaraan Sistem Aplikasi (USM.3/98)</b> dan dihantar untuk pertimbangan KPP(USM) untuk dipertimbangkan.</p>
Pengguna, PSM(Aplikasi), KPP(USM)	<p>6.2.3.2. Perbincangan akan dilakukan dengan Pengguna untuk mengkaji saiz pengubahsuaian, tempoh masa diambil serta sumber-sumber yang terlibat. Dokumen terlibat akan di failkan dalam fail aplikasi berkenaan.</p>
Pengguna, PSM(Aplikasi), KPP(USM), Pembekal	<p>6.2.3.3. Sekiranya aplikasi dibangunkan secara <i>outsourc</i>e, dan masih dalam jaminan, perbincangan akan melibatkan pihak tersebut.</p>

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 15 / 28


Tanggungjawab	Tindakan
Pengguna, PSM(Aplikasi)	<p><b>6.2.4. Pembasmian ralat dalam aplikasi</b></p> <p>6.2.4.1. Sekiranya perjalanan aplikasi terganggu disebabkan ralat aplikasi, pengguna hendaklah merujuk kepada PSM(Aplikasi) menggunakan <b>Borang Penyelenggaraan Sistem Aplikasi (USM.3/98)</b> untuk tindakan.</p>
Pengguna, PSM(Aplikasi), Pembekal	<p>6.2.4.2. Sekiranya aplikasi dibangunkan secara <i>outsourc</i>e, dan masih dalam jaminan, perbincangan akan melibatkan pihak tersebut.</p>
Pengguna, PSM(Aplikasi)	<p><b>6.2.5. Penyelenggaraan Data yang Berkaitan dengan kegagalan aplikasi</b></p> <p>6.2.5.1. Sekiranya data didapati tidak tepat yang berpunca daripada kesilapan aturcara komputer, Pengguna hendaklah memaklumkan kepada PSM(Aplikasi) menggunakan <b>Borang Penyelenggaraan Data Sistem Aplikasi (USM.5/98)</b> untuk tindakan.</p>
	<p><b>6.3. PENYELENGGARAAN LAMAN WEB JABATAN</b></p> <p>6.3.1. Penyelenggaraan Laman <i>Web</i> Jabatan Laut adalah tebahagi kepada 2 jenis iaitu;</p> <p>i. Penambahan laman baru</p>

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 16 / 28


Tanggungjawab	Tindakan
	ii. Pengemaskinian maklumat Pengguna
PPSM(Web), KPP(USM)	<p><b>6.3.2. Penambahan laman baru</b></p> <p>6.3.2.1. Penambahan laman baru diperlukan apabila terdapat maklumat baru perlu ditambah dalam laman web. Keperluan timbul samaada melalui saranan Agensi Pusat, Pengurusan Jabatan atau bahagian.</p> <p>6.3.2.2. PPSM(Web) merangka draf laman dan merujuk kepada KPP(USM) untuk kelulusan.</p>
PPSM(Web)	<p><b>6.3.3. Pengemaskinian maklumat oleh USM</b></p> <p>6.3.3.1. Maklumat yang diperolehi daripada pengguna atau dari mana-mana sumber akan dimasukkan ke dalam Laman Web oleh PPSM(Web) dalam tiga format iaitu;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Format <i>HTML</i> sekiranya persembahan memerlukan nilai tambah seperti jadual, carta, gambar dan sebagainya.</li> <li>ii. Format <i>PDF</i> sekiranya persembahan memerlukan rekabentuk yang sama dengan sumber.</li> </ul>

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 17 / 28


Tanggungjawab	Tindakan
PSM(Operasi)	<p>iii. Format <i>CFM</i> sekiranya terdapat maklumat perlu dicapai daripada pangkalan data ataupun yang memerlukan laman berinteraktif dengan pengguna</p> <p><b>6.4. PENYELENGGARAAN KEROSAKAN PERKAKASAN / INFRASTRUKTUR</b></p> <p>6.4.1. Penyelenggaraan Kerosakan Perkakasan dan Infrastruktur Jabatan Laut terbahagi kepada 3 jenis iaitu;</p> <p>i. Kerosakan Kecil ii. Kerosakan Besar untuk tindakan Pembekal/Penyelenggara Luar iii. Kerosakan yang memerlukan perlepasan</p> <p>6.4.2. Setiap kerosakan perkakasan/infrastruktur IT hendaklah di maklumkan ke USM untuk tindakan PSM(Operasi) melalui telefon atau menggunakan <b>Borang Penyelenggaraan Perkakasan/Perisian Komputer (USM.1/98)</b>.</p>
PSM(Operasi) PPSM(Operasi)	<p>6.4.3. PSM(Operasi) atau PPSM(Operasi) akan mengenalpasti kerosakan dan menentukan tahap kerosakan tersebut samaada kecil atau besar.</p>
PSM(Operasi), PPSM(Operasi)	<p>6.4.4. Sekiranya kerosakan kecil, PSM(Operasi) atau PPSM(Operasi) akan mengambil</p>

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 18 / 28

Tanggungjawab	Tindakan
PSM(Operasi), PPSM(Operasi)	<p>tindakan membaikinya.</p> <p>6.4.5. Sekiranya kerosakan besar, PSM(Operasi) atau PPSM(Operasi) akan menentukan samaada perkakasan tersebut masih dalam jaminan pembekal atau sebaliknya. Sekiranya masih dalam jaminan pembekal, pembekal akan dihubungi untuk tindakan pembaikan, sebaliknya akan menghubungi syarikat penyelenggara luar untuk dibuat pembaikan</p>
PSM(Operasi)	<p>6.4.6. Sekiranya USM menerima maklumat daripada pembekal atau syarikat penyelenggara bahawa perkakasan tidak lagi ekonomi untuk dibaiki, PSM(Operasi) akan menghubungi pembekal untuk mendapatkan maklumat yang terperinci. Sekiranya benar, peralatan tersebut akan dirujuk untuk perlupusan</p>
PSM(Operasi)	<p>6.4.7. PSM(Operasi) akan menyelenggarakan satu <b>Daftar Penyelenggaraan Perkakasan</b> yang akan merekodkan maklumat-maklumat penyelenggaraan setiap perkakasan. Maklumat ini akan digunakan untuk membuat perancangan perolehan pada masa-masa yang akan datang selain daripada mengenalpasti punca-punca kerosakan yang kerap berlaku.</p>

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 19 / 28


Tanggungjawab	Tindakan
	<p><b>6.5.PENYELENGGARAAN KATALALUAN (PASSWORD)</b></p> <p>Penyelenggaraan Katalaluan adalah terbahagi kepada dua proses iaitu Pemberian Katalaluan Baru dan Pembatalan Katalaluan Sediaada.</p> <p><b>6.5.1. Pemberian Katalaluan Baru</b></p>
Pemohon, Penyelia/ Pengarah	6.5.1.1. Setiap permohonan katalaluan hendaklah menggunakan <b>Borang Permohonan Katalaluan Intranet JLSM (JALIN), PASS 1/99</b>
PSM(Aplikasi)/ PPSM(Aplikasi)	6.5.1.2. Permohonan yang lengkap di isi dan di sahkan oleh Pengarah / Penyelia pemohon tersebut. Katalaluan akan berdasarkan cadangan katalaluan yang dikehendaki. Sekiranya nama katalaluan tersebut telah digunakan oleh kakitangan lain <b>PSM(Aplikasi)</b> akan mementukan katalaluan lain yang berpadanan dengan pemohon tersebut.
PSM(Aplikasi)/ PPSM(Aplikasi)	6.5.1.3. Permohonan yang telah diproses akan dimaklumkan kepada pemohon samaada melalui telefon, <i>e_mail</i> atau secara pos.
PSM(Aplikasi)/ PPSM(Aplikasi)	6.5.1.4. Borang permohonan akan difailkan dalam <b>Fail Penyelenggaraan ID Pengguna</b> untuk tujuan rujukan

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 20 / 28

Tanggungjawab	Tindakan
	<b>6.5.2. Pembatalan Katalaluan Sediaada</b>
Penyelia/ Pengarah	6.5.2.1. Setiap permohonan pembatalan katalaluan hendaklah menggunakan <b>Borang Permohonan Pembatalan Katalaluan Intranet JLSM (JALIN), PASS 2/99</b>
PSM(Aplikasi)/ PPSM(Aplikasi)	6.5.2.2. Permohonan Pembatalan Katalaluan hendaklah dilakukan oleh Penyelia atau Pengarah
PSM(Aplikasi)/ PPSM(Aplikasi)	6.5.2.3. Permohonan yang telah diproses akan dimaklumkan kepada Penyelia/Pengarah berkenaan secara telefon, <i>e-mail</i> atau pos
PSM(Aplikasi)/ PPSM(Aplikasi)	6.5.2.4. Borang permohonan akan difailkan dalam <b>Fail Penyelenggaraan ID Pengguna</b> untuk tujuan rujukan

## 7. REKOD


Bil	Rekod / Fail	Tempoh Simpanan
7.1.	Rekod Daftar <i>Backup</i>	5 Tahun
7.2.	Rekod Daftar Penyelenggaraan Perkakasan	5 Tahun
7.3.	Borang Penyelenggaraan Sistem Aplikasi	5 tahun

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 21 / 28


Bil	Rekod / Fail	Tempoh Simpanan
7.4	Borang Penyelenggaraan Data Sistem Aplikasi	5 Tahun
7.5	Borang Penyelenggaraan Perkakasan /Perisian Komputer	5 Tahun
7.6.	Borang Permohonan Katalaluan Intranet JLSM (JALIN)	5 Tahun
7.7	Borang Pembatalan Katalaluan Intranet JLSM (JALIN)	5 Tahun

## 8. LAMPIRAN


- Lampiran 1 - Rekod Daftar *Backup*
- Lampiran 2 - Rekod Daftar Penyelenggaraan Perkakasan
- Lampiran 3 - Borang Penyelenggaraan Sistem Aplikasi
- Lampiran 4 - Borang Penyelenggaraan Data Sistem Aplikasi
- Lampiran 5 - Borang Penyelenggaraan Perkakasan /Perisian Komputer
- Lampiran 6 - Borang Permohonan Katalaluan *Intranet* JLSM(JALIN)
- Lampiran 7 - Borang Pembatalan Katalaluan *Intranet* JLSM(JALIN)

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 22 / 28


**Lampiran 1  
Rekod Daftar Backup**

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 23 / 28


**Lampiran 2  
Daftar Penyelenggaraan Perkakasan**

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 24 / 28


**Lampiran 3  
Borang Penyelenggaraan Sistem Aplikasi**

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 25 / 28


**Lampiran 4**  
**Borang Penyelenggaraan Data Sistem Aplikasi**

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 26 / 28

**Lampiran 5**  
**Borang Penyelenggaraan Perkakasan/Perisian Komputer**

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 27 / 28

**Lampiran 6  
Borang Permohonan Katalaluan (JALIN)**

 JLSM ISO 9002	<b>Jabatan Laut Semenanjung Malaysia</b>	No.Keluaran : 02
		No. Pindaan : 00
	<b>Prosedur Sokongan Penyelenggaraan Komputer</b>	Tarikh 6 / 9 / 2000
		Mukasurat 28 / 28

**Lampiran 7  
Borang Pembatalan Katalaluan (JALIN)**